



KENYATAAN MEDIA

SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU PERTAMA 2023

Pasaran buruh berkembang pada suku pertama 2023, dipacu oleh perkembangan semasa aktiviti ekonomi

PUTRAJAYA, 19 Mei 2023 - Situasi pasaran buruh yang berdaya tahan pada suku pertama 2023, mencatatkan kadar pengangguran yang lebih rendah iaitu pada 3.5 peratus manakala permintaan buruh kekal tinggi, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran terkini **Sorotan Pasaran Buruh, Suku Pertama 2023 (LMR ST1 2023)**. Penerbitan ini menggabungkan statistik buruh suku tahunan dan mengetengahkan situasi terkini pasaran buruh Malaysia bagi menyediakan naratif yang lebih komprehensif.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Permintaan domestik yang kukuh telah mewujudkan persekitaran yang menggalakkan bagi industri, menyebabkan peningkatan dalam pengeluaran dan permintaan buruh yang lebih tinggi. Pertumbuhan berterusan dalam permintaan domestik ini mencerminkan daya tahan ekonomi dan pasaran buruh Malaysia dalam mengharungi keadaan ekonomi global yang mencabar di samping mengekalkan perkembangan yang stabil. Oleh itu, ekonomi Malaysia berkembang 5.6 peratus pada suku pertama 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 7.1 peratus pada suku sebelumnya."

Sejajar dengan perkembangan ekonomi yang berterusan, bilangan tenaga buruh meningkat 2.5 peratus untuk merekodkan 16.65 juta orang, terutamanya disumbangkan oleh kenaikan 3.1 peratus penduduk bekerja, yang merangkumi 16.06 juta orang (ST1 2022: 15.57 juta). Sebaliknya, bilangan penganggur menurun sebanyak 12.6 peratus kepada 586.9 ribu orang, mencatatkan kadar pengangguran terendah sejak kemunculan COVID-19, menyamai dengan kadar yang direkodkan pada ST1 2020 iaitu 3.5 peratus (ST1 2022: 671.2 ribu; 4.1%). Penyertaan buruh yang diukur oleh kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) direkodkan lebih tinggi pada suku ini, meningkat sebanyak 0.8 mata peratus tahun ke tahun kepada 69.8 peratus (ST1 2022: 69.0%).

Mengulas berkenaan situasi guna tenaga tidak penuh, Ketua Perangkawan berkata, "Dorongan daripada permintaan domestik yang kukuh sepanjang suku pertama 2023, bilangan penduduk bekerja kurang daripada 30 jam seminggu terus menunjukkan trend penurunan dengan 18.5 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2022, mencatatkan 274.2 ribu orang (ST1 2022: 336.3 ribu). Justeru itu, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menurun sebanyak 28.8 peratus kepada 174.6 ribu orang,

dengan kadar 1.1 peratus (ST1 2022: 245.1 ribu; 1.6%). Pada masa yang sama, bilangan guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran yang merujuk kepada mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah merekodkan seramai 1.91 juta orang dengan kadar 37.4 peratus atau terdiri daripada lebih satu pertiga penduduk bekerja dengan pendidikan tertiar (ST1 2022: 1.81 juta; 36.9%)."

Dari sudut pandangan permintaan buruh pada suku pertama 2023, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Jawatan dalam sektor swasta meningkat 2.7 peratus kepada 8.81 juta jawatan (ST1 2022: 8.57 juta). Jawatan diisi merangkumi 97.8 peratus daripada jumlah jawatan meningkat 2.7 peratus kepada 8.61 juta (ST1 2022: 8.39 juta). Sementara itu, pembukaan jawatan dalam ekonomi yang ditunjukkan oleh bilangan kekosongan merangkumi 2.2 peratus daripada jawatan, meningkat sebanyak 4.5 peratus kepada 192.6 ribu kekosongan, sebahagian besarnya dalam sektor Pembuatan yang menyumbang 107.7 ribu kekosongan jawatan (55.9%). Permintaan buruh di Malaysia terus bertambah baik pada suku ini ditunjukkan oleh pertumbuhan 22.7 peratus dalam bilangan pewujudan jawatan, merangkumi 31.7 ribu jawatan."

Dengan perkembangan ekonomi pada suku pertama 2023, produktiviti buruh yang diukur berdasarkan nilai ditambah per pekerja meningkat sebanyak 2.4 peratus (ST4 2022: 3.7%) berbanding suku yang sama tahun lepas dengan merekodkan nilai RM23,712 per pekerja (ST4 2022: RM24,966; ST1 2022: RM23,153). Sementara itu, nilai ditambah per jam bekerja juga meningkat sebanyak 2.1 peratus dengan nilai RM41.2 per jam (ST4 2022: RM43.2; ST1 2022: RM40.4). Pada suku ini, jumlah jam bekerja meningkat sebanyak 3.5 peratus untuk mencatatkan 9.25 bilion jam. Statistik terperinci mengenai prestasi produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi boleh diperolehi dalam laporan yang diterbitkan semalam.

Mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah merupakan asas kepada pembangunan mampan. Usaha ini adalah bertujuan untuk membolehkan wanita menjadi peserta aktif dalam ekonomi yang sejahtera dan masyarakat inklusif, memperkasakan mereka dari segi ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, Malaysia terus menghadapi cabaran dalam mencapai kesaksamaan jantina dan merapatkan jurang upah. Dengan mengambil kira tujuan artikel ini yang menganalisis ketidaksamaan upah berasaskan jantina serta memberikan pandangan berkaitan jurang upah mengikut jantina di Malaysia, edisi LMR ini membentangkan artikel bertajuk Guna tenaga dan Jantina: Mengkaji Purata Pendapatan per jam Bekerja dan Jurang Upah. Artikel penuh mengenai kajian ini boleh diakses dalam laporan ini.

Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin mengakhiri kenyataannya mengenai sebaran hari ini dengan berkata, "Pasaran buruh Malaysia terus menunjukkan peningkatan yang ketara pada suku pertama 2023 dan kekal disokong oleh permintaan domestik, seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara. Penurunan kadar pengangguran yang berterusan dan peningkatan peluang pekerjaan menunjukkan momentum positif dalam

pasaran buruh, mewujudkan asas yang kukuh untuk mengekalkan perbelanjaan pengguna dan perkembangan ekonomi. Melangkah ke suku kedua 2023, pasaran buruh Malaysia dijangka kekal kukuh disokong oleh pembangunan ekonomi yang berterusan, inisiatif kerajaan dan daya tahan industri utama. Dengan membina persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan perniagaan dan melabur dalam kemahiran tenaga kerja, Malaysia berada dalam kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang-peluang baru yang muncul dan mengekalkan prospek pasaran buruh yang positif."

Data siri masa serta maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi melalui dashboard Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> untuk maklumat lanjut atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *"Connecting the World with Data We Can Trust"*.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 MEI 2023